



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

NAMA KURSUS : PERANCANGAN SUMBER MANUSIA
KOD KURSUS : DSM2093
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:
BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda seperti mana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGNI 11 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)**

soalan. Jawab **semua** di dalam Kertas Jawapan.

1. Apakah maksud perancangan sumber manusia?
 - A Pekerja yang mempunyai matlamat yang sama.
 - B Mengelakkan lebihan kakitangan dan kekurangan kakitangan.
 - C Merancang organisasi untuk melaksanakan latihan dan pembangunan.
 - D Satu proses berterusan yang menghubungkan antara keperluan tenaga manusia dengan rancangan kewangan organisasi dalam tempoh masa tertentu.
2. Kejayaan sesebuah organisasi bergantung kepada keberkesanan perancangan sumber manusia dalam meramal permintaan dan penawaran tenaga kerja. Apakah objektif perancangan sumber manusia?
 - A Kecekapan pekerja.
 - B Program Persaraan Awal.
 - C Meningkatkan kemahiran komunikasi.
 - D Mengelakkan lebihan dan kekurangan pekerja.
3. Apakah kepentingan perekutan dalam analisis pekerjaan?
 - A Membuat keputusan.
 - B Meningkatkan kemahiran.
 - C Menilai prestasi pekerja yang diperlukan.
 - D Memilih calon yang berkelayakan untuk jawatan yang ditawarkan.

4. Syarikat Firefast Sdn. Bhd. ingin melaksanakan perancangan sumber manusia untuk meramal permintaan tenaga kerja. Oleh itu, syarikat ini memerlukan seorang pengurus untuk menentukan jumlah kos buruh dalam pengambilan pekerja. Apakah kaedah perancangan sumber manusia yang digunakan oleh syarikat berkenaan?
- A Carta Penggantian.
B Menggunakan kaedah matematik.
C Perancangan dari bawah ke atas.
D Perancangan dari atas ke bawah.
5. Apakah maklumat yang perlu ada dalam spesifikasi kerja?
- A Senarai tugas.
B Nama jawatan.
C Rujukan pekerja.
D Latar belakang pendidikan.

6. Gambar 1 adalah contoh borang soal selidik yang digunakan oleh majikan untuk melaksanakan analisis pekerjaan.

BORANG SOAL SELIDIK TAHAP PENGETAHUAN PEKERJA															
<p>Kami memerlukan kerjasama anda untuk memberi maklum balas berkaitan tahap pengetahuan pekerja di syarikat ini yang disediakan oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Sila isi butir berikut.</p>															
Umur:	Jantina:														
<input type="checkbox"/> 18-21 tahun <input type="checkbox"/> 22-29 tahun <input type="checkbox"/> 30-39 tahun <input type="checkbox"/> 40-60 tahun	<input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan														
<p>Sila tandakan (/) dalam kotak yang disediakan mengikut skala yang diberikan.</p> <table border="1"> <tr> <td>1</td> <td>2</td> <td>3</td> <td>4</td> <td>5</td> </tr> <tr> <td>Tidak tahu</td> <td>Tidak pasti</td> <td>Kurang mengetahui</td> <td>Mengetahui</td> <td>Sangat mengetahui</td> </tr> </table>						1	2	3	4	5	Tidak tahu	Tidak pasti	Kurang mengetahui	Mengetahui	Sangat mengetahui
1	2	3	4	5											
Tidak tahu	Tidak pasti	Kurang mengetahui	Mengetahui	Sangat mengetahui											
BIL.	PENYATAAN	1	2	3	4	5									
1.	Adakah anda sedar kewujudan dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaan atau sebarang kenyataan berkaitan KPP di syarikat anda?														
2.	Saya mengetahui prosedur keselamatan dan kesihatan di tempat kerja														
3.	Tahap kesedaran saya terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan														
4.	Adakah anda menerima latihan berkaitan KPP daripada majikan anda sebelum memulakan tugas baru?														
5.	Adakah majikan menyediakan peralatan yang betul berdasarkan prosedur keselamatan dan arahan?														
6.	Adakah anda sedar akan risiko dalam pekerjaan anda?														
7.	Undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan														
8.	Melaporkan kepada pihak pengurusan tentang apa-apa bahaya yang mungkin berlaku di tempat kerja saya.														
9.	Saya tahu apa yang perlu dilakukan jika saya tercedera atau dalam keadaan kecemasan.														

Gambar 1

Mengapakah pengurus lebih suka menggunakan kaedah ini berbanding kaedah lain?

- A** Nilai dan kepercayaan kepada pekerja.
- B** Maklumat dapat diterima dengan cepat.
- C** Hubungan baik antara pekerja dengan majikan.
- D** Menjelaskan jawatan dan tugas masing-masing.

7. Syarikat Jintan Manis hendak melaksanakan ramalan sumber tenaga kerja pada tahun 2022. Pegawai Sumber Manusia telah mengumpulkan data tentang tahap pekerjaan Syarikat Jintan Manis dari tahun 2016-2021. Apakah kaedah yang telah digunakan oleh Pegawai Sumber Manusia berkenaan dalam ramalan sumber tenaga kerja Syarikat Jintan Manis?
- A Analisis Trend
B Analisis Nisbah
C Analisis Senario
D Kaedah Pengurusan Atasan.
8. Encik Zulhelmy merupakan seorang Pegawai Sumber Manusia. Beliau memerlukan pakar ekonomi, demografi dan undang-undang untuk membuat ramalan pekerja untuk jangka masa lima tahun akan datang. Teknik apakah yang sesuai digunakan oleh Encik Zulhelmy untuk membuat ramalan sumber manusia?
- A Stereotaip.
B Kaedah Delphi.
C Analisis Senario.
D Teknik Kumpulan Nominal.

9. Apakah maksud ramalan analisis nisbah?

- A Mengenal pasti masalah dan cara penyelesaian masalah.
- B Menentukan senario tenaga kerja pada masa akan datang.
- C Mengkaji permintaan tenaga kerja dalam beberapa tempoh yang lalu.
- D Menentukan ramalan berdasarkan faktor sebab dan akibat terhadap permintaan kerja yang diperlukan.

10. Cik Aida memerlukan maklumat pekerja untuk merancang laluan kerjaya bagi seseorang pekerja dalam organisasinya. Apakah cara yang boleh digunakan oleh Cik Aida untuk mendapatkan maklumat pekerja?

- A Deskripsi kerja.
- B Carta organisasi.
- C Rekod manual pekerja.
- D Perancangan strategik sumber manusia.

11. Syarikat yang mempunyai pekerja yang terlalu ramai kebiasaanya tidak boleh memantau pekerjanya secara manual. Sekiranya anda adalah majikan, apakah yang perlu anda lakukan bagi menyimpan maklumat pekerja yang ramai?

- A Survey Analysis Planning.
- B Survey Analysis Software.
- C Survey Analysis Recruitment.
- D Survey Analytic's Skill Inventories Software.

12. Apakah keburukan *downsizing* terhadap pekerja?

- A Kehilangan pekerjaan.
- B Pertindihan pekerjaan.
- C Mengurangkan kos gaji dan upah pekerja.
- D Menimbulkan masalah komunikasi antara pekerja dan pengurus.


13. Syarikat SS Maju Sdn. Bhd. telah berbincang dengan pekerja tentang penamatkan pekerja yang akan dilakukan pada bulan Ogos 2021. Kesan daripada Pandemik Covid-19, pihak pekerja bersetuju untuk ditamatkan perkhidmatan mereka dengan syarat majikan perlu memberi pampasan mengikut tahun perkhidmatan pekerjaan.

Pernyataan 1

Apakah jenis pampasan yang dimaksudkan dengan pernyataan 1 di atas?

- A Mutual Separation Scheme (MSS).
- B Voluntary Separation Scheme (VSS).
- C Skim Persaraan Awal Pekerja Senior.
- D Skim Insentif Pemberhentian Pekerja.

14.



Rajah 1

Berdasarkan rajah 1, apakah yang diwakili oleh X?

- A Pengecilan Saiz (*Downsizing*).
 - B Deskripsi Kerja (*Job Description*).
 - C Pengakayaan Kerja (*Job Enrichment*).
 - D Pembesaraan Kerja (*Job enlargement*).
15. Manakah antara berikut merupakan perkara yang menjadi pertimbangan organisasi untuk mereka bentuk sistem kerja?
- i Keselamatan.
 - ii Wakil pekerja.
 - iii Perubahan demografi.
 - iv Keseimbangan kehidupan dan pekerjaan.
- A i, ii dan iv
 - B i, iii dan iv
 - C ii, iii dan iv
 - D i, ii, iii dan iv

16. Bilakah pusingan kerja boleh dilakukan oleh majikan?

- A Apabila berlaku pergerakan staf dalam unit yang sama.
- B Apabila berlaku pertindihan kerja dalam unit yang sama.
- C Apabila berlaku kenaikan pangkat dalam unit yang sama.
- D Apabila berlaku pembesaran kerja dalam unit yang sama.

17. _____ merupakan proses pengiklanan jawatan kosong melalui talian internet, surat khabar atau meletakkan di papan notis supaya mudah di dapati oleh calon.

- A Grid pengurusan.
- B Pameran kerjaya.
- C *Formal job posting.*
- D *Internet job posting.*

18. Organisasi boleh menangani masalah kekurangan kakitangan dengan menggunakan khidmat organisasi lain yang dikenali sebagai

- A universiti.
- B rujukan pekerja.
- C agensi pekerjaan.
- D pameran kerjaya.

19. Daripada maklumat yang diberikan, kenal pasti langkah-langkah yang betul dalam proses mengumpul maklumat pemohon bagi mengisi sesuatu jawatan kosong.
- i Ujian pemilihan.
 - ii Temuduga pemilihan.
 - iii Pemeriksaan rujukan.
 - iv Borang permohonan dan resume
- A i, ii, iii dan iv
- B i, iii, ii dan iv
- C iv, iii, i, dan ii
- D ii, i, iii dan iv
20. Encik Ahmad telah memilih calon yang sesuai untuk jawatan kosong di syarikatnya. Tetapi sebelum membuat pengesahan jawatan, beliau perlu menyemak latar belakang pemohon terlebih dahulu. Apakah yang perlu dilakukan oleh Encik Ahmad untuk memastikan calon yang memohon jawatan kosong di syarikatnya memberikan maklumat yang sahih dan betul?
- A Rujukan rakan.
 - B Rujukan karismatik.
 - C Pemeriksaan rujukan.
 - D Rujukan ahli keluarga.

[40 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

a. Terangkan kaedah analisis kerja dalam perancangan sumber manusia.

(6 markah)

b. Deskripsi kerja merupakan satu dokumen yang menerangkan tentang skop, fungsi, tanggungjawab dan aspek-aspek kerja yang lain dalam sesbuah organisasi. Terangkan maklumat yang perlu ada dalam deskripsi kerja.

(6 markah)

SOALAN 2

a. Jelaskan teknik kualitatif dalam ramalan permintaan sumber manusia.

(6 markah)

b. Terangkan kaedah yang boleh digunakan oleh Jabatan Pengurusan Sumber Manusia dalam meramal penawaran tenaga kerja.

(6 markah)

SOALAN 3

- a. Pada bulan Mei 2021, Krisis Pandemik Covid-19 memberi implikasi kepada peningkatan kadar pengangguran, iaitu sebanyak 4.5 peratus. Hal ini menyebabkan peratus keuntungan syarikat telah mengalami penurunan yang mendadak. Oleh itu, syarikat perlu mengambil tindakan segera dengan mengurangkan jumlah pekerja. Cadangkan cara-cara yang boleh dilakukan oleh majikan bagi mengatasi masalah lebihan pekerja.
- (8 markah)
- b. Proton dan Volva telah bergabung dan menjadi satu syarikat jualan kereta terbesar di Asia Tenggara di bawah naungan Zhejiang Geely Holding Group. Gabungan kedua-dua syarikat kereta itu adalah merupakan satu taktik atau strategi perniagaan di samping meningkatkan tahap kualiti kereta keluaran mereka. Pada pandangan anda, apakah manfaat yang boleh diperoleh daripada hasil penggabungan dan pengambilalihan yang dilakukan oleh Zhejiang Geely Holding Group?
- (8 markah)

SOALAN 4

- a. Syarikat Farhan Engineering Sdn. Bhd. memerlukan pekerja yang mempunyai kepakaran dalam bidang kejuruteraan penyamanan udara. Sebagai Pegawai Sumber Manusia, anda diminta untuk membantu Encik Farhan mencadangkan kaedah perekrutan pekerja yang boleh digunakan untuk jawatan berkenaan.

(10 markah)

- a. Mengapakah pegawai rekrut menggunakan temu duga pemilihan dalam mencari calon yang sesuai mengisi sesuatu jawatan kosong?

(10 markah)

[60 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT